**Bahasa Malaysia 6**

**Hasil Pembelajaran**

1.1.5 Mendengar dan memberi gerak balas terhadap
a) arahan
d) perbualan
2.1.1 Berbual dalam bahasa mudah dengan sebutan yang betul
2.1.2 Berinteraksi secara sopan dan bertatasusila
b) Mengikut situasi
2.1.3 Menyatakan permintaan dan arahan secara bertatasusila
2.2.2 Menjawab soalan dengan tepat
2.2.3 Menjawap soalan secara kreatif
2.2.4 Bersoal jawab secara bersopan
3.1.3 Mengenal bentuk huruf kecil dan huruf besar
3.2.1 Mengecam huruf vokal yang terdapat dalam perkataan
3.2.2 Membunyikan huruf vokal
3.4.1 Memadankan gambar suatu objek dengan lakarannya
3.4.2 Memadankan gambar dengan perkataan
3.5.1 Mengecam dan mengaitkan label pada pelbagai objek dan tempat
3.5.2 Bercerita tentang gambar yang dilihat atau hasil kerja
3.6.1 Menyebut suku kata hasil gabungan huruf konsonan dan huruf vokal (KV)
3.6.2 Mencantum dua suku kata konsonan dan vokal (KV + KV) dalam satu perkataan
3.6.3 Membaca suku kata terbuka (VKV)
3.6.4 Membaca suku kata tertutup (KVK)
3.6.5 Membaca dua suku kata terdiri daripada (KV + KVK), (KVK + KV) dan (KVK + KVK)
3.6.6 Membaca perkataan gabungan dua suku kata vokal berganding dan konsonan berganding (KV + VK) dan (VK + KV)
3.7.1 Membaca perkataan dan rangkai kata yang bermakna
3.8.1 Membaca ayat dari cantuman perkataan dan rangkai kata
3.8.2 Membaca ayat dalam perenggan pendek dengan intonasi yang sesuai
3.8.3 Mengenal tanda bacaan di dalam ayat atau perenggan
3.9.1 Menjawap soalan berdasarkan bahan yang dibaca
3.11.2 Bercerita tentang bahan yang dibaca
4.2.1 Menulis perkataan
4.2.2 Menulis rangkai kata dan ayat yang bermakna

# Panduan mengajar bagi e-Daya Bahasa Malaysia 6

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| 1<br><br>Kata kerja | 1.1.5 (a)<br>3.2.2<br>3.6.1<br>3.6.2<br>3.6.5<br>3.7.1 | 1. Dapat menyebut suku kata gabungan<br>• KV<br>• KV+KV<br>• VKV<br>• KV+KVK<br>• KVK+KV<br>• KVK+KVK<br>2. Dapat membaca perkataan<br>3. Dapat menyebut sekurang-kurangnya 4/6 kata kerja yang diajar<br>4. Dapat memberi contoh kata kerja<br>5. Melakukan pergerakan mengikut arahan | 1. Murid melakukan pergerakan mengikut arahan guru seperti lari, lompat, duduk dan jalan.<br>2. Mengulang perkataan pergerakan dengan jelas dan menulis di atas papan tulis atau menunjukkan kad perkataan.<br>3. Membezakan kata kerja dengan kata nama dengan menyenaraikan perkataan –perkataan di atas papan tulis atau menggunakan kad imbas.<br>4. Menggalakkan murid memberi contoh kata kerja yang berkaitan dengan kehidupan harian mereka.<br>5. Membimbing murid megeja perkataan mengikut suku kata .<br>6. Guru melakukan pergerakan dan murid menyebut kata kerja sambil mengeja perkataan tersebut.<br>7. Murid melakukan pergerakan pilihan sendiri dan mengeja kata kerja pergerakan tersebut.<br>8. Murid mencantum kad suku kata untuk mendapatkan perkataan yang betul.<br>***Aktiviti Pengukuhan :***<br>• Mengeja berulang kali kata kerja<br>• Sebut dan lakukan pergerakan<br>***Aktiviti lanjutan:***<br>• Mengumpul gambar pergerakan<br>• Mengeja pelbagai perkataan kata kerja | • Kad perkataan<br><br>• Kad imbas<br><br>• Gambar berwarna |
| 2<br><br>Kata kerja | 3.2.1<br>3.6.1<br>3.6.2<br>3.6.5<br>3.7.1<br>4.2.1 | 1. Dapat menyebut suku kata gabungan<br>• KV<br>• KV+KV<br>• VKV<br>• KV+KVK<br>• KVK+KV<br>• KVK+KVK<br>2. Dapat membaca perkataan<br>3. Dapat menggunakan imbuhan yang sesuai untuk kata kerja<br>4. Melakukan pergerakan mengikut arahan<br>5. Menamakan gerakan | 1. Memberi pendedahan tentang imbuhan ME, BER<br>2. Mencantumkan imbuhan dengan kata kerja:<br>• Ber+lari • Ber+cakap • Ber+jalan<br>• Me+tulis=menulis • Me+lompat • Me+nyanyi<br>3. Mengeja kata dasar dan kemudiannya kata berimbuhan.<br>4. Dengan menggunakan kad perkataan, murid mencantumkan kata kerja dengan imbuhannya.<br>***Aktiviti Pengukuhan:***<br>• Mengeja berulang kali<br>***Aktiviti lanjutan:***<br>• Mengeja kata kerja berimbuhan dalam buku cerita<br>• Mencabar murid membemtuk kata kerja berimbuhan | • Kad perkataan<br><br>• Kad gambar |

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| 3<br><br>Latihan | 3.4.2<br>3.6.1<br>3.6.5 | 1. Dapat memadankan gambar dengan perkataan<br>2. Dapat menyebut kata kerja<br>3. Dapat mengeja perkataan | 1. Meminta murid memenggalkan suku kata dengan menggariskannya.<br>2. Mengeja beramai-ramai dan secara individu perkataan dalam latihan.<br>***Aktiviti Pengukuhan :***<br>• Latihan bertulis tambahan | • Lembaran kerja<br><br>• Kad perkataan |
| 4<br><br>Ucapan bersopan santun | 1.1.5 (a,d)<br>2.1.1<br>2.1.2 (b)<br>2.1.3<br>2.2.4<br>3.7.1<br>3.8.1 | 1. Dapat melafazkan kata-kata bertatasusila<br>2. Dapat melafazkan kata-kata bertatasusila yang betul mengikut situasi<br>3. Mengeja perkataan dengan betul | 1. Berbual dengan murid tentang pengalaman harian mereka berkenaan ucapan bersopan santun.<br>2. Memberi contoh-contoh perbualan yang kurang bersopan santun.<br>3. Melakonkan situasi seperti :<br>• Menjemput kawan masuk ke rumah<br>• Mempersilakan kawan duduk<br>• Meminjam barang daripada kawan<br>• Meminta maaf<br>4. Mengeja perkataan.<br>***Aktiviti Lanjutan :***<br>Menyenaraikan dan menyebut kata-kata bertatasusila :<br>• Terima kasih • Silakan • Bolehkah<br>• Tolong.... • Apa khabar | • Gambar<br><br>• Pita rakaman |
| 5<br><br>Ucapan bersopan santun | 1.1.5 (a,d)<br>2.1.1<br>2.1.2 (b)<br>2.1.3<br>2.2.4<br>3.7.1<br>3.8.1 | 1. Dapat melafazkan kata-kata bertatasusila<br>2. Dapat melafazkan kata-kata bertatasusila yang betul mengikut situasi<br>3. Mengeja perkataan dengan betul | 1. Bersoal jawab dengan murid.<br>2. Mendengar perbualan pita dan bezakan perbualan tidak bersopan dengan bersopan.<br>3. Lakonan mengikut situasi :<br>• Ucapan hari jadi<br>• Ucapan hari perayaan<br>***Aktiviti Lanjutan :***<br>• Membincangkan kata-kata bertatasusila mengikut gambar | • Pita rakaman<br><br>• Gambar situasi |
| 6<br><br>Penduduk Malaysia | 2.1.1<br>2.2.2<br>2.2.3<br>3.1.3<br>3.4.2<br>3.6.1<br>3.6.5<br>3.7.1<br>3.8.1<br>3.8.2<br>3.9.1 | 1. Dapat berbual dengan bahasa mudah<br>2. Dapat menjawab dengan tepat dan kreatif<br>3. Menggunakan huruf besar untuk kata nama khas<br>4. Mengeja dengan betul 4/6 perkataan yang diberikan<br>5. Dapat membaca ayat dalam perenggan pendek dengan intonasi yang sesuai | 1. Bercerita dan berbual tentang penduduk Malaysia.<br>2. Menyebut dengan betul bangsa rakan sedarjah.<br>3. Meneliti ciri-ciri yang membezakan bangsa-bangsa berlainan dari segi:<br>• Warna kulit • Cara pertuturan • Pakaian<br>• Gaya hidup • Wajah<br>4. Menunjukkan gambar kaum berlainan yang terdapat di negara kita .<br>5. Mengeja dan menyebut perkataan .<br>6. Menekankan perlunya nama khas Melayu, Cina, Sikh dsb ditulis bermula dengan huruf besar.<br>***Aktiviti Pengukuhan:***<br>• Mengulang kaji jenis kaum utama di Malaysia<br>• Membaca ayat berulang kali | • Kad imbas<br><br>• Kad perkataan<br><br>• Gambar berwarna<br><br>• Guntingan akhbar |

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| | | | ***Aktiviti Lanjutan:***<br>• Mengumpul gambar kaum berlainan di Malaysia dan tampal atas kad manila | |
| 7<br><br>Pakaian tradisional | 2.1.2<br>3.1.3<br>3.4.2<br>3.5.1<br>3.5.2<br>3.6.1<br>3.6.5<br>3.7.1<br>3.9.1 | 1. Dapat menjawab dengan tepat dan kreatif<br>2. Menggunakan huruf besar untuk kata nama khas<br>3. Mengeja dengan betul 4/6 perkataan yang diberikan<br>4. Dapat melabelkan pakaian tradisional<br>5. Dapat membaca dengan betul | 1. Menunjukkan kepada murid jenis pakaian tradisional kaum Malaysia.<br>2. Menunjukkan kepada murid pakaian lelaki dan perempuan tradisional kaum di Malaysia.<br>3. Mengeja perkataan mengikut:<br>• KV • KV+KV • VKV<br>• KV+KVK • KVK+KV • KVK+KVK<br>***Aktiviti Pengukuhan:***<br>• Menulis nama khas – bermula dengan huruf besar<br>***Aktiviti Lanjutan:***<br>• Menggalakkan murid berpakaian tradisional ke sekolah pada hari tertentu | • Pakaian tradisional<br><br>• Gambar berwarna<br><br>• kad imbas |
| 8<br><br>Agama | 2.1.1<br>2.1.2 (b)<br>2.2.2<br>3.4.2<br>3.5.2<br>3.6.5<br>3.7.1<br>3.8.2 | 1. Dapat menjawab dengan tepat soalan yang diajukan oleh guru<br>2. Dapat menamakan agama utama di Malaysia<br>3. Dapat mengeja ¾ perkataan yang diberi dengan betul<br>4. Membaca perkataan dengan intonasi yang betul | 1. Menunjukkan kepada murid gambar jenis agama di Malaysia.<br>2. Menamakan agama-agama umum di Malaysia.<br>3. Menyatakan ciri-ciri agama yang ditunjukkan.<br>4. Menerangkan perbezaan agama-agama yang ditunjukkan dalam gambar.<br>5. Mengeja perkataan mengikut:<br>• KV • KV+KV • VKV<br>• KV+KVK • KVK+KV • KVK+KVK<br>***Aktiviti Pengukuhan:***<br>• Memadankan gambar dengan kad perkataan<br>• Menyebut berulang kali perkataan yang ditunjukkan<br>***Aktiviti Lanjutan:***<br>• Memgumpul gambar yang menunjukkan jenis agama serta perayaan agama di Malaysia<br>• Bercerita tentang gambar yang dikumpul<br>• Menonton video perayaan agama | • Kad perkataan<br><br>• Kad imbasan<br><br>• Gambar berwarna<br><br>• Pita video<br><br>• Guntingan akhbar |
| 9<br><br>Tempat bersembahyang | 2.1.1<br>2.12 (b)<br>2.2.2<br>3.1.3<br>3.4.2<br>3.5.2<br>3.7.1<br>3.8.1<br>3.8.2<br>3.8.3 | 1. Dapat menjawab dengan tepat soalan yang diajukan oleh guru<br>2. Dapat menamakan jenis agama dan tempat ibadatnya<br>3. Dapat mengeja dengan betul ¾ perkataan yang diberi<br>4. Dapat membaca ayat dalam perenggan pendek dengan intonasi yang sesuai | 1. Menunjukkan gambar tempat ibadat di Malaysia.<br>2. Menamakan tempat bersembahyang .<br>3. Membezakan tempat ibadat yang berlainan.<br>4. Mengeja perkataan mengikut<br>• KV • KV+KV • VKV<br>• KV+KVK • KVK+KV • KVK+KVK<br>5. Membimbing murid membaca ayat berulang kali.<br>***Aktiviti Pengukuhan:***<br>• Memadankan gambar dengan kad perkataan<br>• Menyebut berulang kali ayat yang ditunjukkan | • Kad perkataan<br><br>• Kad ayat<br><br>• Gambar berwarna<br><br>• Keratin majalah atau akhbar |

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| | 3.9.1 | | ***Aktiviti Lanjutan:***<br>• Memgumpul gambar yang menunjukkan jenis tempat beribadat di Malaysia<br>• Bercerita tentang gambar yang dikumpul<br>• Bercerita dan berbual tentang tempat ibadat yang pernah dikunjungi murid<br>• Lawatan | |
| 10<br><br>Tempat tinggal haiwan jinak | 2.1.1<br>2.2.2<br>2.2.3<br>3.4.2<br>3.5.1<br>3.5.2<br>3.6.1<br>3.6.4<br>3.6.5<br>3.7.1<br>4.2.1 | 1. Dapat menamakan tempat tinggal haiwan ternakan yang ditunjuk<br>2. Dapat mengeja dengan betul ¾ perkataan yang diberi<br>3. Dapat mengaitkan haiwan ternakan dengan tempat tinggalnya | 1. Menunjukkan gambar tempat tinggal haiwan ternakan.<br>2. Menamakan tempat tinggal tersebut serta membimbing murid mengeja perkataan.<br>3. Berbual tentang pentingnya tempat tinggal kepada haiwan.<br>***Aktiviti pengukuhan:***<br>• Memadankan haiwan ternakan dengan tempat tinggalnya<br>• Mengeja berulang kali<br>• Menyebut nama haiwan dan tempat tinggal berulang kali<br>***Aktiviti Lanjutan:***<br>• Mengumpul gambar ternakan lain dan tempat tinggal mereka<br>• Melawat ke ladang ternakan<br>• Menonton pita video berkenaan tempat tinggal haiwan ternakan | • Kad perkataan<br>• Gambar berwarna<br>• Guntingan majalah |
| 11<br><br>Tempat tinggal haiwan liar | 2.2.3<br>3.4.2<br>3.5.1<br>3.5.2<br>3.6.1<br>3.6.4<br>3.6.5<br>3.7.1<br>4.2.1 | 1. Dapat menamakan tempat tinggal haiwan liar yang ditunjuk<br>2. Dapat mengeja dengan betul ¾ perkataan yang diberi<br>3. Dapat mengaitkan haiwan liar dengan tempat tinggalnya | 1. Menunjukkan gambar tempat tinggal haiwan liar.<br>2. Menamakan tempat tinggal tersebut serta membimbing murid mengeja perkataan.<br>3. Berbual tentang pentingnya tempat tinggal kepada haiwan.<br>***Aktiviti pengukuhan:***<br>• Memadankan haiwan liar dengan tempat tinggalnya<br>• Mengeja berulang kali<br>• Menyebut nama haiwan dan tempat tinggal berulang kali<br>***Aktiviti Lanjutan:***<br>• Mengumpul gambar haiwan liar lain dan tempat tinggal mereka<br>• Melawat ke zoo<br>• Menonton pita video berkenaan tempat tinggal haiwan liar | • Kad perkataan<br>• Gambar berwarna<br>• Guntingan majalah<br>• Pita video |
| 12 ,13<br><br>Haiwan dalam laut | 2.2.3<br>3.4.2<br>3.5.1<br>3.5.2<br>3.6.1<br>3.6.4<br>3.6.5<br>3.7.1<br>4.2.1 | 1. Dapat menamakan tempat tinggal haiwan liar yang ditunjuk<br>2. Dapat mengeja dengan betul ¾ perkataan yang diberi<br>3. Dapat mengaitkan haiwan liar dengan tempat tinggalnya | 1. Menunjukkan gambar tempat tinggal haiwan laut.<br>2. Menamakan tempat tinggal tersebut serta membimbing murid mengeja perkataan<br>3. Berbual tentang pentingnya tempat tinggal kepada haiwan laut<br>***Aktiviti pengukuhan:***<br>• Memadankan haiwan ternakan dengan tempat tinggalnya<br>• Mengeja berulang kali<br>• Menyebut nama haiwan dan tempat tinggal berulang kali<br>***Aktiviti Lanjutan:***<br>• Mengumpul gambar haiwan laut lain<br>• Melawat ke Under Water World / Akuaria KLCC | • Kad perkataan<br>• Gambar berwarna<br>• Guntingan majalah<br>• Pita video |

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| | | | • Menonton pita video berkenaan tempat tinggal haiwan dalam laut | |
| 14<br><br>Papan tanda | 1.1.5 (a)<br>2.1.1<br>3.5.1<br>3.5.2<br>3.6.3<br>3.6.4<br>3.6.5<br>3.7.1<br>3.8.1<br>3.8.2 | 1. Dapat mendengar dan memberi gerak balas terhadap arahan<br>2. Dapat berbual dalam bahasa mudah dengan sebutan yang betul berkenaan papan tanda<br>3. Dapat mengecam dan mengaitkan papan tanda dengan situasi<br>4. Dapat membaca perkataan, ayat dan perenggan pendek dengan intonasi yang betul | 1. Menyediakan pelbagai papan tanda umum seperti Jangan Bising, Jangan Merokok, Jangan Gunakan Telefon Bimbit dan lain-lain.<br>2. Menggalakkan murid bercerita tentang papan tanda yang mereka pernah lihat.<br>3. Menerangkan kepada murid tentang mesej yang disampaikan oleh papan tanda yang berlainan.<br>4. Mengaitkan tempat dan jenis papan tanda – hospital: Jangan Merokok, Bank: Jangan Menggunakan Telefon Bimbit, Sekolah: Jangan Merokok dan sebagainya.<br>5. Mengeja perkataan mengikut:<br>• KV • KV+KV • VKV<br>• KV+KVK • KVK+KV • KVK+KVK<br>6. Membimbing murid membaca ayat berulang kali.<br>***Aktiviti Pengukuhan:***<br>• Mengeja berulang kali<br>• Memadan gambar papan tanda dengan perkataannya<br>• Menyebut perlunya papan tanda<br>***Aktiviti Lanjutan:***<br>• Melukis papan tanda mudah dan menampalnya di tempat tertentu di sekolah<br>• Melawat tempat-tempat umum dan meneliti papan–papan tanda yang terdapat di tempat tersebut | • Kad perkataan<br><br>• Gambar berwarna<br><br>• Papan tanda |
| 15<br><br>Papan tanda jalan raya | 1.1.5 (a)<br>2.1.1<br>3.5.1<br>3.5.2<br>3.6.3<br>3.6.4<br>3.6.5<br>3.7.1<br>3.8.1<br>3.8.2 | 1. Dapat mendengar dan memberi gerak balas terhadap arahan<br>2. Dapat berbual dalam bahasa mudah dengan sebutan yang betul berkenaan papan tanda<br>3. Dapat mengecam dan mengaitkan papan tanda dengan situasi<br>4. Dapat membaca perkataan, ayat dan perenggan pendek dengan intonasi yang betul | 1. Menyediakan pelbagai papan tanda umum seperti Dilarang Masuk, Kanak-kanak Melintas, Jalan Sehala dan lain-lain.<br>2. Menggalakkan murid bercerita tentang papan tanda yang mereka pernah lihat di jalan raya.<br>3. Menerangkan kepada murid tentang mesej yang disampaikan oleh papan tanda yang berlainan.<br>4. Mengaitkan tempat dan jenis papan tanda – hospital: Jangan Honk, Kawasan Sekolah: kanak-kanak Melintas, Jalan Raya: Boleh Pusing Balik dan sebagainya.<br>5. Mengeja perkataan mengikut:<br>• KV • KV+KV • VKV<br>• KV+KVK • KVK+KV • KVK+KVK<br>6. Membimbing murid membaca ayat berulang kali.<br>***Aktiviti Pengukuhan:***<br>• Mengeja berulang kali<br>• Memadan gambar papan tanda dengan perkataannya<br>• Menyebut perlunya papan tanda<br>***Aktiviti Lanjutan:***<br>• Melukis papan tanda mudah yang murid biasa nampak | • Kad perkataan<br><br>• Gambar berwarna<br><br>• Papan tanda |

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| | | | • Permainan lalu lintas | |
| 16<br><br>Saya, kamu, dia | 2.1.2 (b)<br>3.7.1<br>3.8.1<br>3.8.2<br>4.2.1<br>2.2.2<br>3.7.1 | 1. Dapat berinteraksi secara sopan mengikut situasi<br>2. Dapat membaca perkataan dan rangkai kata dengan intonasi yang sesuai<br>3. Melafazkan kata dengan intonasi yang sesuai<br>4. Dapat menulis perkataan dengan betul<br>5. Dapat menggunakan kata ganti diri dengan betul dalam pertuturan<br>6. Dapat mengisi tempat kosong dengan kata ganti diri yang betul | 1. Bersoal jawab dengan murid bermula dengan soalan :<br>• Siapakah nama ayah kamu?<br>• Siapakah nama kakak kamu?<br>• Siapakah kawan baik kamu?<br>• Di manakah dia tinggal? Dsb.<br>2. Memberi penekanan kepada perkataan Saya, Kamu dan Dia.<br>3. Menerangkan persamaan Saya dan Aku, Kamu dan Engkau.<br>4. Mengeja perkataan mengikut:<br>• KV • KV+KV • VKV<br>• KV+KVK • KVK+KV • KVK+KVK<br>***Aktiviti Pengukuhan:***<br>• Aktiviti lisan secara kumpulan tiga orang<br>• Ali : Saya Ali. Kamu Lingam. Dia Lina.<br>Lingam : Saya Lingam. Kamu Ali. Dia Lina.<br>Lina : Saya Lina. Kamu Ali. Dia Linggam.<br>***Aktiviti Lanjutan :***<br>• Lakonan mengikut situasi yang diberikan guru. | • Kad perkataan<br><br>• Pita rakaman |
| 17<br><br>Kami, kita, mereka | 2.1.2 (b)<br>3.7.1<br>3.8.1<br>3.8.2<br>4.2.1<br>2.2.2<br>3.7.1 | 1. Dapat berinteraksi secara sopan mengikut situasi<br>2. Dapat membaca perkataan dan rangkai kata dengan intonasi yang sesuai<br>3. Melafazkan kata dengan intonasi yang sesuai<br>4. Dapat menulis perkataan dengan betul<br>5. Dapat menggunakan kata ganti diri dengan betul dalam pertuturan<br>6. Dapat mengisi tempat kosong dengan kata ganti diri yang betul | 1. Bersoal jawab dengan murid bermula dengan soalan :<br>• Apakah nama sekolah kamu?<br>• Di manakah beg saya?<br>• Siapakah nama dia? Dsb.<br>2. Memberi penekanan kepada perkataan Kami, Kita dan Mereka.<br>3. Menerangkan persamaan Saya dan kami, Kami dan kita, Mereka dan Dia.<br>4. Mengeja perkataan mengikut:<br>• KV • KV+KV • VKV<br>• KV+KVK • KVK+KV • KVK+KVK<br>***Aktiviti Pengukuhan:***<br>• Aktiviti lisan secara kumpulan dengan 2 orang sekumpulan, tiga kumpulan<br>• Kumpulan Ali : Kami berkawan baik.<br>Kumpulan Lingam : kita dari kelas ini.<br>Kumpulan Lina : mereka kawan baik saya.<br>***Aktiviti Lanjutan :***<br>• Lakonan mengikut situasi yang diberikan guru. | • Kad perkataan<br><br>• Pita rakaman |
| 18 | 3.4.2 | 1. Dapat memilih jawapan yang betul | 1. Membaca ayat dengan intonasi yang sesuai.<br>2. Murid membaca ayat dengan lantang.<br>3. Murid melakon mengikut maksud ayat. | • Lembaran kerja |

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| Latihan | | | ***Aktiviti pengukuhan:***<br>• Mempelbagaikan soalan<br>• Membuat latihan tambahan | |
| 19<br><br>Ini, itu | 1.1.5<br>2.1.2<br>2.2.2<br>3.6.1<br>3.6.3<br>3.7.1<br>3.8.1 | 1. Dapat berinteraksi secara sopan mengikut situasi<br>2. Dapat membaca perkataan dan rangkai kata dengan intonasi yang sesuai<br>3. Melafazkan kata dengan intonasi yang sesuai<br>4. Dapat menulis perkataan dengan betul<br>5. Dapat menggunakan kata tunjuk dengan betul dalam pertuturan<br>6. Dapat mengisi tempat kosong dengan kata tunjuk yang betul | 1. Mengarahkan murid bertindak mengikut arahan:<br>• Tolong berikan buku itu kepada saya.<br>• Duduk atas kerusi ini.<br>• Itu kipas.<br>• Ini beg saya.<br>2. Membandingkan kata tunjuk Ini dan Itu.<br>3. Mengeja perkataan mengikut:<br>• KV • KV+KV • VKV<br>• KV+KVK • KVK+KV • KVK+KVK<br>***Aktiviti Pengukuhan :***<br>• Menyebut ayat sambil melakukan gerakan<br>- Ini kerusi. Itu meja. (sebut sambil menunjuk)<br>- Ini buku. Itu papan hitam.<br>***Aktiviti Lanjutan:***<br>• Permainan kecil | • Bahan maujud<br><br>• Kad ayat |
| 20<br><br>Sini, sana | 1.1.5<br>2.1.2<br>2.2.2<br>3.6.1<br>3.6.3<br>3.7.1<br>3.8.1 | 1. Dapat berinteraksi secara sopan mengikut situasi<br>2. Dapat membaca perkataan dan rangkai kata dengan intonasi yang sesuai<br>3. Melafazkan kata dengan intonasi yang sesuai<br>4. Dapat menulis perkataan dengan betul<br>5. Dapat menggunakan kata tunjuk dengan betul dalam pertuturan<br>6. Dapat mengisi tempat kosong dengan kata tunjuk yang betul | 1. Mengarahkan murid bertindak mengikut arahan:<br>• Tolong duduk di sini.<br>• Duduk atas kerusi di sana.<br>• Tolong simpan buku ini di sana.<br>• Saya tinggal di sana.<br>2. Membandingkan kata tunjuk Sini dan Sana.<br>3. Mengeja perkataan mengikut:<br>• KV • KV+KV • VKV<br>• KV+KVK • KVK+KV • KVK+KVK<br>***Aktiviti Pengukuhan :***<br>• Menyebut ayat sambil melakukan gerakan<br>Kerusi cikgu di sana. ( tunjuk ke arah jauh )<br>• Bawalah buku ke sini.<br>***Aktiviti Lanjutan:***<br>• Permainan kecil | • Kad perkataan<br><br>• Bahan maujud |
| 21<br><br>latihan | 3.8.1<br>3.8.2<br>3.4.2<br>4.2.2 | 1. Dapat membaca ayat pendek dengan intonasi yang sesuai<br>2. Dapat menulis ayat dengan betul | 1. Membimbing murid membina ayat pendek berdasarkan gambar yang diberi.<br>2. Membaca dengan lantang ayat yang dibina.<br>3. Menulis dengan betul ayat pendek.<br>4. Menyediakan lembaran kerja tambahan. | • Lembaran kerja<br><br>• Gambar |

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| | | 3. Dapat mencantum rangkaian ayat menjadi ayat yang lebih panjang | | |
| 22<br><br>Alat perhubungan sekarang | 3.4.1<br>3.4.2<br>3.6.1<br>3.6.5<br>3.7.1<br>3.8.1<br>3.8.2 | 1. Dapat menamakan alat komunikasi<br>2. Dapat menyatakan kegunaan alat komunikasi<br>3. Dapat mengeja perkataan<br>4. Dapat membaca perkataan, rangkai kata, ayat dan perenggan pendek dengan intonasi yang sesuai | 1. Menunjukkan gambar atau alat komunikasi .<br>2. Menamakan alat komunikasi tersebut serta membimbing murid mengeja perkataan.<br>3. Berbual tentang kegunaan dan pentingnya alat komunikasi dalam kehidupan harian.<br>4. Menunjukkan kepada murid cara mengendali alatan komunikasi.<br>5. Mengeja perkataan mengikut:<br>• KV • KV+KV • VKV<br>• KV+KVK • KVK+KV • KVK+KVK<br>***Aktiviti pengukuhan:***<br>• Memadankan alat komunikasi dengan namanya<br>• Mengeja berulang kali<br>***Aktiviti Lanjutan:***<br>• Mengumpul gambar alat komunikasi<br>• Memberi tunjuk ajar bagaimana mengendalikan sesetengah alat komunikasi yang mudah | • Kad perkataan<br>• Kad imbas<br>• Alatan komunikasi<br>• Kad gambar |
| 23<br><br>Mengenal computer | 3.4.1<br>3.4.2<br>3.6.1<br>3.6.5<br><br>3.7.1<br>3.8.1<br>3.8.2 | 1. Dapat menamakan bahagian komputer<br>2. Dapat menyatakan kegunaan computer<br>3. Dapat mengeja perkataan<br>4. Dapat membaca perkataan, rangkai kata, ayat dan perenggan pendek dengan intonasi yang sesuai | 1. Menunjukkan gambar atau alat komunikasi .<br>2. Menamakan bahagian computer serta membimbing murid mengeja perkataan.<br>3. Berbual tentang kegunaan dan pentingnya komputer dalam kehidupan harian .<br>4. Menunjukkan kepada murid cara menggunakan computer.<br>5. Mengeja perkataan mengikut:<br>• KV • KV+KV • VKV<br>• KV+KVK • KVK+KV • KVK+KVK<br>***Aktiviti pengukuhan:***<br>• Memadankan bahagian computer dengan namanya<br>• Mengeja berulang kali<br>***Aktiviti Lanjutan:***<br>• Membimbing dan menggalakkan murid menghasilkan sesuatu dengan computer seperti lukisan, bahan taip<br>• Memberi tunjuk ajar bagaimana mengendalikan komputer | • Kad perkataan<br>• Kad imbas<br>• Computer<br>• Kad gambar |
| 24<br><br>Kata Tanya | 1.1.5<br>2.1.2<br>2.1.2<br>2.2.2<br>2.2.4<br>3.7.1 | 1. Dapat mendengar dan membuat gerak balas terhadap perbualan dan arahan<br>2. Dapat berinteraksi secara sopan dan bertatasusila mengikut situasi | 1. Bersoal jawab dengan murid bermula dengan soalan :<br>• Apakah nama sekolah kamu?<br>• Bilakah hari jadi kamu?<br>• Siapakah budak perempuan itu? Dsb.<br>2. Memberi penekanan kepada perkataan Apa, Bila, Siapa.<br>3. Beri penjelasan tentang penggunaan : | • Kad perkataan<br>• Kad imbas<br>• Pita rakam |

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| | 3.8.1<br>3.8.2<br>3.8.3 | 3. Dapat menjawab dengan tepat<br>4. Dapat membaca perkataan dan rangkai kata<br>5. Dapat membaca ayat dalam perenggan pendek dengan intonasi yang betul<br>6. Dapat mengenal tanda baca dalam ayat atau perenggan | • Apa : untuk menanyakan nama ( jenis, sifat, warna dll ) sesuatu<br>• Bila : untuk menanyakan masa<br>• Siapa : untuk menanyakan seseorang<br>4. Menerangkan penggunaan tanda Tanya (?)<br>5. Mengeja perkataan mengikut<br>• KV • KV+KV • VKV<br>• KV+KVK • KVK+KV • KVK+KVK<br>***Aktiviti Pengukuhan:***<br>• Aktiviti lisan<br>Guru – murid, Murid – guru, Murid-murid<br>***Aktiviti Lanjutan :***<br>• Lakonan mengikut situasi yang diberikan guru | |
| 25<br><br>Kata Tanya | 1.1.5<br>2.1.2<br>2.1.2<br>2.2.2<br>2.2.4<br>3.7.1<br>3.8.1<br>3.8.2<br>3.8.3 | 1. Dapat mendengar dan membuat gerak balas terhadap perbualan dan arahan<br>2. Dapat berinteraksi secara sopan dan bertatasusila mengikut situasi<br>3. Dapat menjawab dengan tepat<br>4. Dapat membaca perkataan dan rangkai kata<br>5. Dapat membaca ayat dalam perenggan pendek dengan intonasi yang betul<br>6. Dapat mengenal tanda baca dalam ayat atau perenggan | 1. Bersoal jawab dengan murid bermula dengan soalan :<br>• Di mana kamu tinggal?<br>• Berapa orang adik – beradik kamu?<br>• Bagaimana menulis perkataan ini? Dsb.<br>2. Memberi penekanan kepada perkataanDi mana, Berapa dan Bagaimana.<br>3. Beri penjelasan tentang penggunaan :<br>• Di mana : untuk menanyakan tempat<br>• Berapa : untuk menanyakan bilangan sesuatu<br>• Bagaimana : untuk menanyakan cara melakukan sesuatu<br>4. Menerangkan penggunaan tanda Tanya (?).<br>5. Mengeja perkataan mengikut:<br>• KV • KV+KV • VKV<br>• KV+KVK • KVK+KV • KVK+KVK<br>***Aktiviti Pengukuhan:***<br>• Aktiviti lisan<br>Guru – murid, Murid – guru, Murid-murid<br>***Aktiviti Lanjutan :***<br>• Lakonan mengikut situasi yang diberikan guru. | • Kad perkataan<br>• Kad imbas<br>• Pita rakam |
| 26<br><br>Latihan | 3.7.1<br>4.2.1<br>3.8.2 | 1. Dapat membaca perkataan dan rangkai kata<br>2. Dapat membaca dengan intonasi yang betul dan sesuai<br>3. Dapat menulis perkataan<br>4. Dapat memberi jawapan yang tepat | 1. Mengadakan soalan secara lisan .<br>2. Membincangkan soalan dan murid memberi jawapan secara lisan dahulu.<br>3. Memperbanyak soalan-soalan pilihan. | • Lembaran kerja |

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| 27<br><br>Saya dan keluarga saya | 2.2.2<br>3.5.2<br>3.6.5<br>3.6.6<br>3.8.2<br>3.9.1<br>3.11.2 | 1. Dapat menjawab dengan tepat<br>2. Bercerita tentang gambar yang dilihat atau yang dihasilkan<br>3. Dapat membaca suku kata<br>4. Dapat membaca ayat dalam perenggan pendek dengan intonasi yang sesuai<br>5. Dapat menyebut gelaran ahli dalam keluarga | 1. Merangsang murid menceritakan tentang keluarga mereka.<br>2. Bersoal jawab dengan guru.<br>3. Menerangkan pentingnya nilai kekeluargaan dalam sebuah keluarga.<br>4. Mengeja perkataan mengikut:<br>• KV • KV+KV • VKV<br>• KV+KVK • KVK+KV • KVK+KVK<br>***Aktiviti Pengukuhan :***<br>• Memperkenalkan ahli dalam keluarga dengan menggunakan kad perkataan dan gambar<br>***Aktiviti Lanjutan:***<br>• Membina pokok keluarga<br>• Mengumpul gambar keluarga dan menceritakan tentang keluarga<br>• Mengumpul gambar keluarga dan menampalnya dalam buku skrap | • Kad perkataan<br>• Kad imbas<br>• Gambar |
| 28<br><br>Sekolah saya | 2.2.2<br>3.5.2<br>3.6.5<br>3.6.6<br>3.8.2<br>3.9.1<br>3.11.2 | 1. Dapat menjawab dengan tepat<br>2. Bercerita tentang gambar yang dilihat atau yang dihasilkan<br>3. Dapat membaca suku kata<br>4. Dapat membaca ayat dalam perenggan pendek dengan intonasi yang sesuai<br>5. Dapat menamakan bahagian bangunan sekolah | 1. Merangsang murid menceritakan tentang sekolah mereka.<br>2. Bersoal jawab dengan guru.<br>3. Menamakan bahagian bangunan sekolah.<br>4. Mengeja perkataan mengikut:<br>• KV • KV+KV • VKV<br>• KV+KVK • KVK+KV • KVK+KVK<br>***Aktiviti Pengukuhan :***<br>• Berjalan mengeliling bangunan sekolah dan menamakan tempat yang dilalui<br>***Aktiviti Lanjutan:***<br>• Aktiviti Kumpulan – murid menghias dan menyediakan kad perkataan dan melekatkankannya di bahagian berlainan bangunan sekolah | • Kad perkataan<br>• Kad imbas<br>• Gambar |
| 29<br><br>Saya dan kelas saya | 2.2.2<br>3.5.2<br>3.6.5<br>3.6.6<br>3.8.2<br>3.9.1<br>3.11.2 | 1. Dapat menjawab dengan tepat<br>2. Bercerita tentang gambar yang dilihat atau yang dihasilkan<br>3. Dapat membaca suku kata<br>4. Dapat membaca ayat dalam perenggan pendek dengan intonasi yang sesuai | 1. Merangsang murid menceritakan tentang kelas mereka.<br>2. Bersoal jawab dengan guru.<br>3. Menerangkan pentingnya nilai saling menghormati dalam sebuah kelas.<br>4. Murid menceritakan kelas mereka.<br>5. Mengeja perkataan mengikut:<br>• KV • KV+KV • VKV<br>• KV+KVK • KVK+KV • KVK+KVK<br>***Aktiviti Pengukuhan :***<br>• Membaca berulang kali perenggan<br>***Aktiviti Lanjutan:***<br>• Mengumpul gambar kawan sedarjah dan menceritakan tentang mereka<br>• Mengumpul gambar kawan sedarjah dan menampalnya dalam buku skrap | • Kad perkataan<br>• Kad imbas<br>• Gambar<br>• Buku skrap |

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| 30<br><br>Kawan baik saya | 2.2.2<br>3.5.2<br>3.6.5<br>3.6.6<br>3.8.2<br>3.9.1<br>3.11.2 | 1. Dapat menjawab dengan tepat<br>2. Bercerita tentang gambar yang dilihat atau yang dihasilkan<br>3. Dapat membaca suku kata<br>4. Dapat membaca ayat dalam perenggan pendek dengan intonasi yang sesuai | 1. Merangsang murid menceritakan tentang kelas mereka.<br>2. Bersoal jawab dengan guru.<br>3. Menerangkan pentingnya nilai saling menghormati dan menyayangi rakan.<br>4. Murid menceritakan tentang rakan mereka.<br>5. Mengeja perkataan mengikut:<br>• KV<br>• KV+KV<br>• VKV<br>• KV+KVK<br>• KVK+KV<br>• KVK+KVK<br><br>***Aktiviti Pengukuhan :***<br>• Membaca berulang kali perenggan dan petikan<br>***Aktiviti Lanjutan:***<br>• Mengumpul gambar kawan baik dan menceritakan tentangnya<br>• Mengumpul gambar–gambar kawan baik dan menampalnya dalam buku skrap<br>• Mengambil gambar murid dengan kawan baik mereka | • Kad perkataan<br><br>• Kad imbas<br><br>• Gambar<br><br>• Buku skrap<br><br>• Kamera |
| | | | | |

# Contoh Pendekatan Bertema untuk Bahasa Malaysia 6










